

D995

U B892 AAB
MAHATHIR - BB

(I)

KUALA LUMPUR, 25 OKT (BERNAMA) -- MALAYSIA SEKALI LAGI MENEGASKAN SOKONGAN SEPENUHNYA KEPADA BANGSA-BANGSA BERSATU (BB) DAN MENGHARGAI APA YANG DIPERJUANGKANNYA DAN PERKHIDMATAN YANG DIBERI OLEHNYA DEMI MANFAAT MANUSIA SEJAGAT, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI.

IA MUNGKIN TIDAK MENCAPAI SEPENUH KESEMPURNAAN, TETAPI INI LEBIH BAIK DARIPADA DUNIA TIDAK MEMPUYAI BADAN SEUMPAMA ITU, UJARNYA.

SEMASA MELANCARKAN HARI BANGSA-BANGSA BERSATU DI ANGKASAPURI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +KITA TIDAK MAHU DUNIA TERBAHAGI KEPADA BEBERAPA KUMPULAN YANG TIDAK MAMPU BERKOMUNIKASI ANTARA SATU DENGAN LAIN KERANA TIADANYA TEMPAT UNTUK KITA BERTEMU DAN BERUNDING.+

PERDANA MENTERI MENEGASKAN, MALAYSIA TIDAK MAHU MENJADI ANGGOTA MANA-MANA KUMPULAN ATAU BLOK.

BELIAU BERKATA MALAYSIA TIDAK MEMIHAK KEPADA SESIAPA SEKALIPUN DENGAN PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI. - LAGI.

1528MST 25 10 86

MAHATHIR - BB 2 KUALA LUMPUR

(I)

MALAYSIA AKAN MENEGUR DAN MENGUTUK PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI ATAU MANA-MANA ANGGOTA ATAU KUMPULANNYA SEBAGAIMANA IA LAKUKAN TERHADAP NEGARA-NEGARA BLOK BARAT ATAU TIMUR.

PERDANA MENTERI BERKATA, +KITA SEDAR BAHAWA TEGURAN KITA YANG TIDAK MEMIHAK KE MANA-MANA TELAH MENYEBABKAN KITA TIDAK BEGITU DISUKAI.+

BELIAU BERKATA WALAUPUN ADA PIHAK TELAH CUBA MENYUSAHKAN MALAYSIA, NEGARA INI AKAN MENERUSKAN DASARNYA ITU.

+KITA TIDAK MENARUH PRASANGKA BURUK TERHADAP SESIAPA - TIDAK JUGA MEREKA YANG TELAH SECARA TERANG-TERANG ATAU BERSEMBUNYI CUBA MENGGUGAT KESTABILAN DAN EKONOMI KITA.+

KATANYA, +KEPERCAYAAN KITA TERHADAP SEMANGAT SALING BERGANTUNG ANTARA NEGARA-NEGARA AKAN KEKAL DAN SEKALIPUN INI MENYATAKAN SOKONGAN KITA BAGI SIMBOL SALING PERGANTUNGAN ITU -- LAGI

1540MST 25 10 86

U B904 AAB

MAHATHIR - BB 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA YAKIN TERHADAP KEWUJUDAN BANGSA-BANGSA BERSATU SEBAGAI AGENSI YANG BERUSAHA MENINGKATKAN KEBAIKAN KEPADA PENDUDUK DI SELURUH DUNIA DAN SEBAGAI KUASA MORAL MENENTANG KETIDAKADILAN DAN PENINDASAN.

BANGSA-BANGSA BERSATU AKAN MEMBANTU MENYEKAT KEADAAN YANG MIRIP KE ARAH PERANG DUNIA TERAKHIR, PERANG YANG MENAMAT SEGALA PERANG, KATANYA.

KATANYA, KADANG KALA BANGSA-BANGSA BERSATU TIDAK DAPAT MENYEKAT PERANG TERTENTU, TETAPI BANGSA-BANGSA BERSATU SEBENARNYA BUKANLAH SEBUAH PASUKAN POLIS ANTARABANGSA YANG MAMPU MELAKSAKAN KEPUTUSANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KEBERKESANAN BANGSA-BANGSA BERSATU BERGANTUNG KEPADA KOMITMENT PARA ANGGOTANYA TERHADAP PIAGAM BADAN DUNIA ITU.

JIKA SEBUAH NEGARA MEMUTUSKAN UNTUK TIDAK MENGHIRAUKAN KOMITMENTNYA TIDAK ADA APA SEBENARNYA YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA OLEH ITU BUKANLAH BANGSA-BANGSA BERSATU YANG HARUS DIPERSALAHKAN TETAPI PARA ANGGOTANYA. - BERNAMA

1614MST 25 10 86